

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB  
(TANJONG MANIS)**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB (TANJONG MANIS)** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan semula sekolah-sekolah daif di Parlimen Tanjong Manis. Berapa jumlah yang telah siap dan yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada usaha menyediakan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah yang dapat berfungsi dengan baik untuk semua sekolah di seluruh negara termasuk di Sarawak. Ini adalah penting untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam keadaan selamat serta selesa di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) iaitu bagi tahun 2016 sehingga tahun 2020 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) *Rolling Plan 1* (RP1) tahun 2021, sebanyak 14 projek naik taraf dan pembangunan semula sekolah yang mempunyai bangunan daif dengan kos berjumlah RM69.44 juta telah diluluskan bagi Parlimen Tanjung Manis. Sehingga 29 November 2021, sebanyak 5 projek telah siap, 2 projek berada dalam fasa pembinaan dan 7 projek lagi berada dalam fasa pra bina. Kesemua 7 projek yang berada dalam fasa pra bina dijangka akan dimulakan pelaksanaannya pada tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada projek baharu yang diluluskan di Parlimen Tanjung Manis dalam Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan 2* (RP2) tahun 2022 bagi program menaiktaraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah. Walaubagaimanapun, terdapat satu projek baharu bagi pembinaan bangunan 12 bilik darjah dan lain-lain kemudahan di SMK Semop, Daro, Sarawak.

KPM sentiasa komited untuk memastikan sekolah dalam keadaan baik dan selamat digunakan.